

Kerajaan akan sedia lebih banyak kemudahan tingkat penglibatan Orang Asli dalam pembangunan — PM

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menyediakan lebih banyak kemudahan dan perkhidmatan kepada Orang Asli untuk mempertingkatkan lagi penglibatan mereka dalam pembangunan negara.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan, melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan beberapa agensi lain turut memperjuangkan nasib dan masa depan mereka.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, kira - kira 5,570 hektar tanah telahpun diperuntukkan kepada Orang Asli untuk ditanam dan dipulihkan dengan tanaman getah, kelapa sawit, buah - buahan, kelapa, teh dan lada hitam.

"Seluas 1,000 hektar lagi telahpun dimajukan dengan tanaman jangka pendek seperti pisang, nenas dan betik di bawah projek bumi hijau. Kerajaan juga menggalakkan Orang Asli memelihara ikan dan ternakan lain untuk memberi pendapatan sampingan kepada mereka," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Muzium Orang Asli, di Kilometer 19, Gombak, dekat sini hari ini. Muzium berkenaan adalah yang pertama seumpamanya di negara ini.

Muzium itu berharga kira - kira \$80,000 dan akan menjadi pusat pemeliharaan warisan budaya masyarakat Orang Asli yang selama ini hanya dikendalikan oleh muzium lain, Jabatan Orang Asli dan juga beberapa buah universiti.

Perdana Menteri berkata lagi, masyarakat Orang Asli juga digalakkan menyertai kegiatan - kegiatan perniagaan dan industri kecil, dan untuk tujuan itu, beberapa buah kedai koperasi dan pusat pemerosesan rotan telah ditubuh-

kan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Di samping itu, kata beliau, satu program menyeluruh yang melibatkan lima buah projek pengumpulan semula 23,000 Orang Asli telah dilaksanakan dalam tempoh yang sama, di sepanjang Banjaran Titiwangsa.

"Seluas 13,600 hektar tanah dibahagikan kepada mereka yang dikumpulkan semula itu," katanya.

Kata Perdana Menteri dalam tempoh RME juga, kerajaan mempertingkatkan kemudahan asas kepada Orang Asli, meliputi kediaman, sekolah, asrama dan juga klinik.

"Semua projek dan rancangan yang dilaksanakan itu adalah bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam proses pembangunan, memperbaiki keadaan sosio ekonomi dan menggalakkan mereka mengamalkan cara - cara pertanian moden dan sistematik," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, dalam Rancangan Malaysia Kelima pula kerajaan terus memberi perhatian untuk memajukan lagi masyarakat Orang Asli dan bagi tujuan itu, enam skim penempatan semula yang baru untuk kira - kira 1,000 keluarga akan dilaksanakan.

Katanya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$40 juta untuk memperluaskan berbagai kemudahan.

Dalam bidang pendidikan pula, dua buah asrama sedang dibina di Raub, Pahang dan Bukit Lanjan, Selangor. Setiap asrama berharga \$1.2 juta.

Di samping itu, kerajaan juga memberi perhatian kepada kesihatan dan perubatan Orang Asli, kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

"Hospital Orang Asli di Gombak sedang diperbaiki dan akan dibekalkan dengan peralatan baru. Kerajaan membelanjakan \$3.3 juta untuk tujuan itu," jelasnya.